



Pesta Ang Pau 2010 Dapat Sambutan Pelajar Pelbagai Bangsa.



Simbol satu sebagai tanda muafakat masyarakat majmuk di Malaysia.

SERDANG, 25 Februari – Sambutan menggalakkan dari pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM) berlainan bangsa ke Program Pesta Ang Pau 2010 menyemarakkan semangat Satu Malaysia dengan penyertaan pelbagai kaum.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Wee Jeck Seng berkata program Pesta Ang Pau 2010 anjuran Persatuan Senibudaya Zhong Hua UPM berjaya memperkenalkan tradisi masyarakat cina untuk dikongsi dengan warga UPM pelbagai kaum dengan berkesan.



Datuk Wee Jeck Seng (dua dari kiri) merasmikan majlis penutupan Pesta Ang Pau 2010 bersama Bendahari UPM, Zulkiflee Othman (dua dari kanan).

“Program ini menjadi wahana penting antara pelajar pelbagai kaum bagi menjalin hubungan yang lebih rapat agar integrasi kaum dipupuk selamanya,” katanya semasa merasmikan Pesta Ang Pau 2010.

Program anjuran Bahagian Hal Ehwal Pelajar UPM, yang diadakan bersempena sambutan perayaan Tahun Baru Cina mempersempurnakan beberapa seni budaya masyarakat Cina untuk dikongsi bersama dengan masyarakat lain serta mewujudkan persefahaman yang lebih mendalam di antara rakyat Malaysia.



Persembahan bertenaga daripada kumpulan gendang 24 musim, Kolej Sultan Alaeddin Suleiman Shah (KOSASS) UPM memeriahkan lagi suasana malam Pesta Ang Pau 2010.

Antara tetamu terhormat yang hadir ialah Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Wee Jeck Seng, dan Bendahari UPM, Zulkiflee bin Othman.

Pelajar tahun satu Bachelor Pengajian Pengguna, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan UPM, Maisarah Mohamad berkata beliau menghadiri majlis itu untuk menonton budaya masyarakat Tionghoa.

“Walaupun berlainan fahaman dan budaya, ia tidak menjadi halangan kepada kita sebagai rakyat Malaysia untuk sama-sama bersatu dan berganding bahu di masa akan datang bagi menjaga kemakmuran negara,” katanya.



Pelajar tahun satu Bachelor Pengajian Pengguna, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan UPM, Maisarah Mohamad menyatakan kegembiraan menghadiri perayaan kaum lain yang ada di Malaysia.



Pelajar tahun akhir Bachelor Sains Biologi, Fakulti Sains UPM, Leonard Shee Kay Yang, kagum dengan kehadiran penonton yang terdiri daripada pelbagai bangsa ke malam Pesta Ang Pau 2010.

**Berita ini disediakan oleh Seksyen Media, Bahagian Komunikasi Korporat UPM.
(Mohd Faisal Md Noor 03-89466011).**

Hak Cipta Terpelihara 2007
Universiti Putra Malaysia